



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

PGT223 - KADEAH MENGAJAR GEOGRAFI 1

SEMESTER 1
SIDANG AKADEMIK 2019/2020

TAJUK :

ANALISIS STATUS FACEBOOK

NAMA:

IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI 136361

NAMA PENSYARAH :

PROF. MAD. DR. AZIAH BINTI ISMAIL

1.0 PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, media sosial merupakan salah satu medium yang paling sesuai digunakan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat memandangkan kita kini yang lebih gemar meluangkan masa bersama dengan bahan-bahan elektronik seperti telefon bimbit, komputer riba dan sebagainya. Masyarakat pada masa kini lebih gemar untuk melihat perkembangan isu-isu sesama melalui media sosial seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Instagram* dan lain-lain berbanding dengan membeli surat khabar. Masyarakat akan mudah terpengaruh dengan bahan bacaan mereka melalui status-status yang dimuat naik dalam media sosial ini.

Dalam kursus PGT223 Kaedah Mengajar Geografi I ini, kami semua khususnya bakal guru Geografi merupakan insan yang amat memainkan peranan penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat kini tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan mengekalkan kelestarian alam. Dengan adanya media sosial ini, kami berpeluang untuk memberi kesedaran kepada masyarakat melalui status yang akan dimuat naik di *Facebook* atau *Instagram*. Oleh itu, kami semua dikehendaki untuk memuat naik dua status yang berbeza tentang alam sekitar bagi melihat sejauh manakah status ini diberi perhatian oleh masyarakat yang membacanya.

Perhatian dari masyarakat yang membaca status yang dimuat naik akan dinilai berdasarkan seberapa banyak ‘suka’ dan ‘komen’ yang diberikan oleh masyarakat. Sasaran bagi mendapatkan ‘suka’ adalah sebanyak 30 manakala ‘komen’ adalah sebanyak 10. Kemudian, status ini akan dianalisis untuk melihat adakah status ini dapat memberikan kesedaran ataupun tidak kepada masyarakat melalui komen yang diberikan.

2.0 STATUS PERTAMA: KITAR SEMULA

1:22 AM Thu 12 Dec

Ibnu Sany · 26 September

MENGAPA PERLU KITAR SEMULA ? 😲

Kitar semula merupakan salah satu cara terbaik untuk kita bagi mendapatkan kesan yang positif kepada dunia yang sedang didiami ini. Kitar semula adalah penting bagi kita dan alam semula jadi. Kita perlu bertindak dengan pantas kerana jumlah bahan buangan atau sisa yang dibuang oleh kita sendiri semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Jumlah sisa yang dihasilkan adalah semakin meningkat kerana 😱 😔:

1. Peningkatan dalam pendapatan/kekayaan yang memberi makna orang ramai membeli lebih banyak produk dan seterusnya menghasilkan lebih banyak sisa.
2. Peningkatan populasi bermakna semakin ramai manusia di muka bumi ini yang menghasilkan sisa.
3. Pengeluaran produk berteknologi dengan pembungkusan yang terkini di mana kebanyakannya mengandungi bahan yang tidak dapat dilupuskan (bahan tidak biodegradasi).
4. Perubahan gaya hidup seperti makanan segera yang menghasilkan sisa /bahan buangan yang tidak dapat dilupuskan seperti pembalut makanan yang dibuat dari kertas minyak.

KEPENTINGAN KITAR SEMULA 💯 ! !

1. Pemeliharaan sumber semula jadi
Sisa pepejal bukan hanya terhasil apabila pengguna membuang barang yang tidak diperlukan tetapi ia bermula dari pemprosesan bahan mentah, pengangkutan dan kemudahan pengilangan barang-barang terpakai. Penggunaan semula barang-barang dapat mengurangkan sisa pepejal yang terhasil seterusnya mengurangkan pembelian barang-barang baru. Secara tidak langsung ia dapat mengurangkan permintaan barang di pasaran dan menurunkan kadar penggunaan sumber semula jadi untuk pemprosesan barang baru 😊
2. Mengurangkan penghasilan sisa berbahaya
Memilih barang-barang tidak berbahaya atau kurang berbahaya merupakan komponen lain yang penting dalam pengurangan sumber. Menggantikan barang kurang berbahaya dalam barang-barang tertentu (produk pembersihan atau racun yang digunakan untuk membunuh makhluk perosak), berkongsi produk yang mengandungi bahan kimia

Write a comment... GIF Smile

News Feed Friends Watch Marketplace Notifications Menu

1:23 AM Thu 12 Dec

Search Facebook

berbahaya daripada membuang lebuhannya, membaca arahan label secara teliti dan menggunakan dalam kuantiti yang sedikit adalah cara mengurangkan penghasilan sisa berbahaya yang tidak boleh dikitar semula 😊

3. Menjimatkan kos
Mengurangkan penghasilan sisa pepejal yang dibuang akan menjimatkan kos pelupusan sisa pepejal. Ia juga membantu dalam penjimatatan ekonomi bagi komuniti, perniagaan, sekolah dan pengguna-pengguna individu 😊

4. Mengurangkan pencemaran
Amalam kitar semula ini dapat mengurangkan pencemaran. Longgokan bahan buangan di dalam tong sampah, lori atau tapak pelupusan sampah merupakan salah satu punca pencemaran dalam iklim tropika. Dengan adanya amalan mengitar semula dapat mengurangkan ancaman alam sekitar seperti pencemaran air bawah tanah dan udara 😊

Sebenarnya banyak lagi kepentingan amalan kitar semula ini. Sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, kita haruslah bijak dalam mengekalkan kelestarian alam dengan melakukan alaman kitar semula dalam kehidupan seharian kerana kelestarian alam sekitar merupakan tanggungjawab bersama! 😊

#dunialestarikamipeduli
#tutorialdraziah1011



Write a comment...

GIF

News Feed Friends Watch Marketplace Notifications Menu

1:23 AM Thu 12 Dec

Search Facebook

sekitar seperti pencemaran air bawah tanah dan udara 😊

Sebenarnya banyak lagi kepentingan amalan kitar semula ini. Sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, kita haruslah bijak dalam mengekalkan kelestarian alam dengan melakukan alaman kitar semula dalam kehidupan sehari-hari kerana kelestarian alam sekitar merupakan tanggungjawab bersama! 😎

#dunialestarikamipeduli
#tutorialdraziah1011



Like

Comment

Share



Write a comment...



News Feed

Friends

Watch

Marketplace

Notifications

Menu

1:23 AM Thu 12 Dec

Search Facebook

Like Comment Share

You, Arieff Aimman Iskandar and 28 others

Arieff Aimman Iskandar
baikla boskurrr 1
10 w Like Reply

Nurul Ain
Dengan kitar semula, sekaligus kita dapat menyelamatkan alam sekitar ❤️
10 w Like Reply 1

Jurieana Ismail
Perkongsian yang menarik 💯
10 w Like Reply 1

Mia Jaini
Masyarakat juga boleh elakkan penggunaan bahan yg tdak boleh dikitar semula seperti plastik utk kelestarian alam sekitar, dan menggunakan barang yg lebih mesra alam
10 w Like Reply 1

Wan Izzakir
Pada zaman serba maju ini, maka amat penting terhadap amalan kitar semula bagi mengelakkan pertambahan sampah sarap
3 w Like Reply 1

Daniel Ehsaq
Saya dan keluarga sering menggunakan bahan kitar semula untuk menghasilkan barang yang boleh digunakan dalam kehidupan sehari-hari sekaligus menyelamatkan alam sekitar! ❤️ Jom selamatkan bumi kita 🌎
3 w Like Reply 1

Write a comment...

News Feed Friends Watch Marketplace Notifications Menu

2.1 ANALISIS STATUS PERTAMA: KITAR SEMULA

Berdasarkan status pertama yang dimuat naik bertajuk kitar semula, sebanyak 30 orang yang telah menekan simbol ‘suka’ manakala hanya 6 orang sahaja yang memberi ‘komen’ ke atas status ini. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, status ini tidak mencapai sasaran yang diinginkan kerana bilangan yang memberi ‘komen’ adalah sedikit.

Pengguna *Facebook* yang menyukai status ini adalah terdiri daripada ahli keluarga, rakan karib dan masyarakat luar. Manakala pengguna yang memberi ‘komen’ ke atas status ini terdiri daripada seorang ahli keluarga iaitu Arieff Aiman Iskandar dan selebihnya adalah terdiri daripada rakan-rakan universiti. Rakan-rakan universiti ini termasuklah yang mengambil kursus ini dan bukan mengambil mana-mana kursus Geografi. Terdapat dua pengguna *Facebook* yang memberi komen atas dasar pribadinya iaitu ‘baiklah boskurrr’ dan ‘perkongsian yang menarik’. Empat daripadanya telah menyatakan kesedaran dan memberi sedikit maklumat tambahan iaitu dengan menyatakan amalan kitar semula dapat menyelamatkan alam sekitar. Sebagai contoh komen dari pengguna *Facebook* Daniel Eshsaq yang menyatakan bahawa ‘Saya dan keluarga sering menggunakan bahan kitar semula untuk menghasilkan barang yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian sekaligus menyelamatkan alam sekitar. Jom selamatkan bumi kita!’. Mia Jaini pula memberi pesanan kepada masyarakat untuk menggelakkan penggunaan bahan yang tidak boleh dikitar semula dan mula menggunakan bahan yang lebih mesra alam.

Secara keseluruhannya, status ini dilihat tidak dapat memberi kesedaran yang mendalam kepada masyarakat kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Berkemungkinan status yang dimuat naik ini tidak menarik perhatian, tidak kreatif, dan mengandungi teks yang panjang sehingga menyebabkan orang ramai tidak mahu membaca status ini. Hal ini dapat dilihat melalui simbol ‘suka’ adalah lebih banyak berbanding dengan ‘komen’ yang diberikan.

3.0 STATUS KEDUA: LARANGAN MEROKOK

1:21 AM Thu 12 Dec

Search Facebook

Ibnu Sany
24 November at 11:56 AM

Seperti yg kita ketahui, kedai makan dan restoran merupakan salah satu kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok. Penguatkuasaan ini berlangsung selama enam bulan bermula pada 1 Januari sehingga bulan Julai. Namun pada hari ini kita masih melihat terdapat perokok-perokok tegar yang masih merokok di kawasan tersebut dengan bukti pungut rokok mereka berada di kawasan kurang dari 3 meter dari kedai makanan tersebut.

Baru-baru ini, kerajaan telah menyatakan bahawa penguatkuasaan larangan merokok di semua restoran dan premis makanan akan dikuatkuasakan SERTA MERTA pada 1 Januari 2020. Adakah anda bersetuju dengan tindakan kerajaan ini. Berikan pandangan anda di ruangan komen.

#dunialestarikamipeduli
#tutorialdraziah1011

DILARANG MEROKOK
禁止吸烟
NO SMOKING

Write a comment...

News Feed Friends Watch Marketplace Notifications Menu

1:21 AM Thu 12 Dec

Search Facebook

Like Comment Share

You, Arief Aimman Iskandar and 74 others

Daniel Eshsaq
Masih lagi terdapat masyarakat yang tidak peka dengan larangan yang dikeluarkan oleh masyarakat. Apa yang menyediakan lagi ialah apabila mereka melanggar larangan tersebut dan membuang puntungan rokok di restoran atau kedai makan yang mereka kunjungi. Tindakan sebegini bukan hanya patut kita lihat, pihak bertanggungjawab harus lebih bertindak lebih tegas mengenai hal ini. Hal ini bukan sahaja menjadikan kesihatan orang sekeliling namun, turut menjadikan persekitaran kita.

2 w Like Reply 1

Ting Tze Kiong
Pada pandangan saya, undang-undang ini kurang adil kepada perokok. Hal ini kerana "taking a smoke after meal makes me feel happy and free like a fairy"!

2 w Like Reply 2

Jurieana Ismail
sangat setuju 💯 seperti yg kita semua tahu , rokok akan membawa kepada kesan negatif, tiada satu pun yg membawa kepada kesan positif. Kita juga sudah maklum bahawa bahayanya rokok kepada kehidupan manusia terutamanya dlm kalangan bayi dan kanak2. Namun, masih ada juga manusia yg pentingkan diri yg tdk mempunyai kesedaran diri 😔 Jika kerajaan tdk berbuat tindakan sedemikian, maka manusia2 ini tdk akan sedar akan bahayanya rokok!

2 w Like Reply 1

Razna Balahuddin
sangat bersetuju dengan tindakan kerajaan menguatkuasakan undang-undang ini, kerana banyak kebaikan yang dapat kita peroleh khususnya dari segi kesihatan. Saya yakin Dan percaya, dengan adanya undang-undang ini, persekitaran dan juga ruang udara kita akan lebih bersih .

2 w Like Reply 1

Write a comment... GIF 😊

News Feed Friends Watch Marketplace Notifications Menu

1:22 AM Thu 12 Dec

Search Facebook

Arieff Aimman Iskandar
Saya sangat menyokong perkara tersebut yang mana ia mampu membebaskan tempat-tempat awam daripada pencemaran asap rokok. Umum tahu, bahawa asap rokok mempunyai mudarat yang lebih besar kepada orang di sekeliling berbanding kepada perokok itu sebenarnya.

2 w Like Reply 1

Noorasfarina Jul Akmad
Setuju, peraturan dan akta sedemikian sewajarnya dilaksanakan dan diwartakan untuk tujuan umum ✨ hal ini kerana isu merokok ini sebenarnya mampu menggugat ketenteraman dan keselesaan awam khususnya masyarakat sekeliling kerana rokok membebaskan asap rokok yang merembeskan bahan-bahan yang memberi kesan negatif sedikit sebanyak kesihatan manusia kepada si perokok dan mereka yg berada berhampiran si perokok. Namun, bukanlah bermakna amalan merokok ini adalah budaya yang salah sepenuhnya ia bergantung kepada sesetengah pihak yang mempunyai pandangan yang berbeza berkaitan isu ini, merokok adalah pilihan dan bergantung kepada keperluan individu itu sendiri namun haruslah disesuaikan dengan mengambil kira keselesaan dan ketenteraman masyarakat khususnya ketika berada di kawasan terbuka kerana berada di kawasan terbuka bukanlah bermakna kita mampu melakukan perkara yang bersifat individu sedemikian sewenang-wenangnya 😊 bertolak ansur antara satu sama lain adalah tanggungjawab bersama ✨

2 w Like Reply 1

HerMan Abdullah
masyarakat zmn skrang seolah olah tidak lg takut terhadap undang2 yg dikeluarkan oleh pihak kerajaan.. keadaan seperti ini perlu dirisaukan kerana kemungkinan besar undang2 lain terhadap alam sekitar tidak diendahkan juga..jelas menunjukkan masyarakat zmn skrang keras kepala

2 w Like Reply 1

Mia Jaini
Sangat setuju. Sebab pelanggan lain tak selesa dgn asap2 rokok ,kadang2 boleh hilang selera makan. Selain itu larangan ini demi keselamatan juga, bayangkan jika perokok ini menggunakan

Write a comment... GIF 😊

News Feed

Friends

Watch

Marketplace

Notifications

Menu

1:22 AM Thu 12 Dec

81%

Search Facebook

rokok ,kadang2 boleh hilang selera makan. Selain itu larangan ini demi keselamatan juga, bayangkan jika perokok ini menggunakan tndas restoran dan meninggalkan puntung rokok di situ, pastinya bahaya kerana selalunya tamdas di belakang tmpat memasak. Nnti gas meletup mcm mna? Bahaya!

2 w Like Reply

1



Muhammad Amar Ahmad

Secara peribadi, tindakan yg dilakukan kerajaan amatlah tepat dan wajar. Hal ini kerana, asap yg dihasilkan oleh perokok akan mengundang bahaya kepada org di sekeliling. Umum mengetahui bahawa, restoran atau kedai makan merupakan kawasan yg sentiasa menjadi tumpuan masyarakat utk adakan aktiviti bersama keluarga atau 'melepak' bersama rakan. Jadi, sekiranya ramai orang yg menghisap rokok di kawasan ini, perkara ini akan mengundang bahaya kepada para pelanggan yg lain kerana asap itu mengandungi pelbagai bahan kimia yg beracun. Hal ini akan menjadikan kesihatan org sekeliling terutamanya kanak2, wanita, dan org tua.

Tuntasnya, tindakan kerajaan sangatlah bijak dan sepatutnya dilakukan sejak lama dahulu lagi bagi memastikan kesihatan tubuh badan masyarakat di Malaysia sentiasa terjamin.

2 w Like Reply

1



Zue Heinna

Setuju sangat. Rokok sememangnya membawa kesan negatif terutama kpd ibu mengndung dan kanak2.

2 w Like Reply

1



Sharman H Benjamin

Sokonggggg sangat2.... Rokok x baik untuk kesihatan

2 w Like Reply

1



Mohd Rody

Setuju sngt2..sbb asap rokok ni bau..dah yg penting rokok HARAM

2 w Like Reply

1



E-jump Ijam

Sangat setuju kerana asap rokok sangat berbau dan membahayakan kesihatan kepada penghisap dan juga yg terkena asap rokok itu

2 w Like Reply

1



Write a comment...



News Feed

Friends

Watch

Marketplace

Notifications

Menu



Jnai Bnet

Dari sudut pandangan saya, masyarakat memandang remeh akan dasar dan undang-undang yang pihak kerajaan kuatkuasakan. Larangan merokok ini merupakan tindakan proaktif pihak kerajaan untuk membanteras gejala menghisap rokok dan mengutamakan kesihatan masyarakat sekitar. Sememangnya, merokok bukan sahaja menjelaskan kesihatan diri tetapi juga turut menjelaskan alam sekitar, dan orang awam. Dengan itu, pihak kerajaan perlu meningkatkan lagi usaha penguatkuasaan undang-undang tersebut dan perlu lebih tegas. 😊

2 w Like Reply



Nor Hidayah

Sangat setuju. Rokok bukan membahayakan diri sendiri sahaja malah memberi mudarat kepada yg lain juga. Say no to smoking..

2 w Like Reply

1



Aisah Emran

Saya sangat bersetuju dengan tindakan kerajaan dalam penguatkuasaan larangan merokok ini. Selain boleh menyebabkan masalah kesihatan, asap rokok yang berbau juga membuatkan saya berasa tidak selesa. Perokok seharusnya lebih peka dan prihatin dengan orang disekeliling.

1 w Like Reply

1



Write a comment...

GIF

😊



3.1 ANALISIS STATUS KEDUA: LARANGAN MEROKOK

Berdasarkan status kedua yang dimuat naik bertajuk larangan merokok ini, status ini mendapat sambutan berbanding status pertama dengan mengumpul sebanyak 76 ‘suka’ dan 16 ‘komen’. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, status ini telah mencapai sasaran yang diinginkan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat.

Pengguna *Facebook* yang menyukai status ini juga adalah terdiri daripada ahli keluarga, rakan karib dan masyarakat luar. Manakala pengguna yang memberi ‘komen’ ke atas status kedua ini terdiri daripada seorang ahli keluarga iaitu Arieff Aiman Iskandar sekali lagi dan selebihnya adalah terdiri daripada rakan-rakan universiti. Rakan-rakan universiti ini termasuklah yang mengambil kursus ini dan bukan mengambil mana-mana kursus Geografi. Status kedua ini agak berbeza dengan status yang pertama kerana saya telah meminta pandangan masyarakat sama ada mereka bersetuju atau tidak berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang larangan merokok di premis makanan. Hampir 95% dari pengguna *Facebook* yang memberi ‘komen’ ke atas status ini bersetuju dengan undang-undang tersebut. Kesemua pengguna yang bersetuju dengan larangan merokok ini telah menyatakan perasaan setuju mereka di ruang komen dan secara tidak langsung memberi hujah dan pandangan mereka tentang bahayanya merokok di kawasan premis makanan. Sebagai contoh pengguna *Facebook* E-jump Ijam menyatakan ‘Sangat setuju kerana asap rokok sangat berbau dan membahayakan kesihatan kepada penghisap dan juga yang terkena asap rokok itu’. Namun demikian, terdapat satu pengguna *Facebook* yang tidak bersetuju dengan larangan merokok ini. Sebagai contoh pengguna *Facebook* Ting Tze Kiong yang menyatakan bahawa ‘Pada pandangan saya, undang-undang ini kurang adil kepada perokok. Hal ini kerana ‘taking a smoke after meals make me feel happy and free like a fairy”. Beliau menyatakan bahawa perokok yang selesai makan tidak boleh dipisahkan dengan merokok kerana merokok dapat membuat si perokok gembira dan berasa bebas seperti bidadari.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa status kedua ini dilihat dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang larangan merokok di premis makanan. Hal ini demikian kerana status ini telah mencapai mencapai sasaran yang ditetapkan. Status kedua ini berjaya menarik minat masyarakat kerana status larangan merokok merupakan isu yang sering diperdebatkan, menarik perhatian, dan mengandungi teks yang singkat dan ringkas menyebabkan orang ramai mudah untuk membacanya.